

Headline	Kerajaan, NGO anjur pelbagai program turun kadar AIDS		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	19	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	350 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,804
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,412



Kerajaan, NGO anjur pelbagai program turun kadar AIDS

Kuala Terengganu: Usaha bersepadu kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) melaksanakan pelbagai program secara proaktif berjaya menurunkan kadar jangkitan penyakit AIDS di seluruh negara dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, berkata sejak virus HIV mula dikesan di Malaysia pada 1986 sehingga 2011, seramai 95,000 orang dijangkiti penyakit itu dengan jumlah kematian hampir 15,000 orang.

Beliau berkata, hampir 90 peratus daripada penghidap HIV adalah lelaki yang berpunca daripada amalan seks bebas dan penagihan dadah yang berkongsi jarum suntikan.

"Selain usaha Kementerian Kesihatan, peranan yang dimainkan oleh NGO seperti Majlis dan Yayasan AIDS Malaysia yang banyak membantu serta mendidik masyarakat berjaya meningkatkan kesedaran sekali gus mengurangkan kadar penyakit AIDS di negara ini.

NGO proaktif

"Usaha ini amat diharapkan dan kita beruntung kerana banyak NGO di Malaysia yang proaktif menyahut seruan kerajaan membantu

pesakit berkenaan," katanya selepas merasmikan Sambutan Hari AIDS Sedunia 2013 Peringkat Kebangsaan, di Stadium Tertutup Gong Badak, semalam.

Bagaimanapun, Rosmah yang juga Penaung Yayasan AIDS Malaysia berkata, kadar penurunan itu hanya membabitkan golongan lelaki, manakala dalam kalangan wanita dan kanak-kanak, terdapat peningkatan yang agak membimbangkan.

Wanita dan kanak-kanak

"Sebanyak 21 peratus daripada jangkitan baru HIV sejak 2003 membabitkan kanak-kanak dan wanita. Jumlah ini menunjukkan peningkatan ketara berbanding lima peratus pada 10 tahun lalu.

"Apa yang menyedihkan, 87 peratus pesakit wanita mendapat jangkitan melalui hubungan heteroseksual dan diturunkan pula daripada ibu kepada anak dalam kandungan," katanya.

Pada majlis itu juga berlangsung upacara penyampaian cek dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM475,000 oleh dua badan korporat iaitu MAC Cosmetic dan Medical Latex Sdn Bhd kepada Yayasan AIDS Malaysia.

Sementara itu, pada majlis bera-

singan di Kuala Lumpur, Rosmah mahu Skwad Sayang Wanita UMNO turun padang menyalurkan maklumat betul mengenai parti dan mematahkan fitnah serta tohmahan pembangkang.

Beliau yang juga Penaung Skwad Sayang, berkata skuad itu tidak boleh hanya tertumpu kepada aktiviti keajikan dan kemasyarakatan.

"Ini kerana sikap berdiam diri dalam kalangan ahli UMNO akan hanya melemahkan parti. Jika kita terus bersikap seperti itu, ia seolah-olah memberi gambaran bahawa segala fitnah dan tohmahan itu benar.

"Selaku parti pemerintah, gunakanlah segala kekuatan yang ada pada diri setiap jentera Skwad Sayang demi mempertahankan mandat ini.

"Mahu tidak mahu, jangan sesekali biarkan apa yang sudah kita bina dan bangunkan selama ini diruntuhkan oleh mereka yang hanya ingin memenuhi nafsu serakah dan tamakkan kuasa semata-mata," katanya.

Hadir sama, Isteri Timbalan Perdana Menteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman dan Ketua Wanita UMNO, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.



Rosmah menandatangani Batik Hari Aids Sedunia sambil diperhatikan Helmi sempena Majlis Sambutan Hari Aids Sedunia 2013 Peringkat Kebangsaan di Stadium Tertutup Gong Badak, Kuala Terengganu, semalam.

[FOTO YUSMAIZI KARIM/BH]